

KPPK sumbang tilam kepada mangsa banjir di Temerloh



DR Mohd Khairuddin (tengah) menyampaikan sumbang 230 unit tilam berjumlah RM40,000 kepada mangsa banjir di Temerloh, Pahang. FOTO ihsan KPPK

PUTRAJAYA: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) menyumbang 230 unit tilam kepada mangsa banjir di kawasan terjejas teruk di Temerloh, Pahang.

Menterinya, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali, berkata sumbangan bernilai RM40,000 itu disampaikan melalui Misi Bantuan Prihatin Mangsa Banjir di Kampung Mempateh, Lanchang, Temerloh.

"Sepanjang tempoh minggu ini, kita (KPPK) sudah mengadakan empat misi bantuan kepada mangsa banjir iaitu di Raub dan Chenor, Pahang; Kemaman, Terengganu dan Kluang, Johor," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Tilam berkenaan adalah sumbangan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN), sebagai usaha mempromosikan barangan kenaf yang menjadi produk komoditi yang boleh membawa kemajuan kepada negara pada masa depan.

Majlis sumbangan disempurnakan Mohd Khairuddin di PASTI Darul Ansar, Lanchang turut dihadiri Ketua Pengarah LKTN, Idris Mohd Salleh.

Mohd Khairuddin berkata, pihak kementerian dan agensi di bawahnya, termasuk Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC),

LKTN, Lembaga Getah Malaysia (LGM), Majlis Getah Malaysia (MRC), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA) memperuntukkan

RM300,000 untuk bantuan kepada mangsa banjir kali ini.

Sebahagian besar bantuan itu, katanya, disalurkan kepada petani, pekebun kecil getah dan sawit yang terjejas bencana berkenaan.

Berdasarkan Portal Bencana Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC) sehingga jam 5 petang tadi, seramai 392 mangsa daripada 117 keluarga masih berada di sembilan pusat pemindahan sementara (PPS) di daerah Temerloh daripada 6,148 mangsa daripada 1,775 keluarga di seluruh negeri Pahang.